

Pemimpin, pengurus perlu pemikiran baru: Dr M

KUALA LUMPUR: Abad ke 21 membawa perubahan yang memerlukan satu pemikiran baru serta perlunya pemimpin dan pengurus meneliti setiap apa yang mereka lakukan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, mungkin mereka melakukan perkara yang betul dan mungkin juga tidak.

"Keputusan mereka untuk berubah atau tidak, akan bergantung kepada analisis mereka mengenai sesuatu itu, itu sebenarnya cabaran yang dihadapi pemimpin dan pengurus." katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Persyarikatan Malaysia: Tuntutan Kepimpinan dan Pengurusan dalam Abad ke-21* pada siri syarahan Tunku Abdul Rahman di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, pemimpin dan pengurus dalam abad ke-21 tidak semestinya harus memilih jalan biasa jika mereka mahu berjaya.

"Jika pemimpin terus berpegang kepada jalan biasa mereka lakukan sesuatu, maka mudah bagi mereka untuk diserang hendap.

"Jika anda berhenti tiba-tiba dan meredah laluan baru dalam belukar, sukar bagi anda untuk diserang hendap. Dan kemungkinan anda akan sampai ke destinasi yang dituju agak lambat sedikit, tetapi anda tetap akan sampai ke destinasi anda. Jika anda diserang hendap, anda mungkin tidak akan sampai langsung," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebijaksanaan konvensional adalah baik bagaimanapun pemimpin dan pengurus patut juga menimbangakan cara yang tidak konvensional.

Beliau berkata, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang mengambil alih sesebuah syarikat harus memikirkan sesuatu yang mereka akan lakukan dan yang tidak harus lakukan terhadap syarikat yang mereka ambil alih.

Dr Mahathir berkata, perkara serupa juga boleh dilihat terhadap pemimpin yang memimpin terlalulama, jika dia melihat dengan teliti, seperti seorang pemimpin baru lakukan, dia akan dapati ada perkara yang perlu dilakukan secara berbeza.

"Dari segi lain, dia mungkin mendapati apa yang dia lakukan adalah perkara yang patut dilakukan, Tiada yang lebih teruk daripada membuat perubahan hanya semata-mata untuk berubah," katanya.